

PENEROKAAN KONSEP KADAR SEWAAN SEMASA KE ATAS HARTA WAKAF MENURUT PANDANGAN FUQAHA

Hydzulkifli Hashim^{*a}, Nashirah Abu Bakar^b, Noraini Yussuf^c
Solahuddin Abd Hamid^d, Mohd Fauzwadi Mat Ali^e & Aisyahmona Ghani^f

^a*Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, Malaysia*

^{b,c}*Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, Malaysia*

^{d,e}*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera & Sains, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, Malaysia*

^f*Bahagian Penyelidikan & Perancangan Strategik Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), Kedah, Malaysia*

Received 21 November 2025: Revised 24 December 2025: Accepted 28 December 2025

ABSTRACT

The State Islamic Religious Councils (MAIN) functions as the sole trustees responsible for the administration of *waqf* assets in Malaysia. Statistics issued by JAWHAR indicate that a wide range of *waqf* lands have been developed, including religious properties such as mosques, cemeteries and *tahfiz* centers, as well as commercial assets such as commercial buildings, rental houses, agricultural land and parking lots. Nevertheless, the rental income generated from these *waqf* properties often falls short of the expenses required for administrative obligations, including assessment tax, land tax and other operational costs. In certain cases, occupants reside on *waqf* land without paying any rent, based on the misconception that *waqf* property should not be subject to rental charges. This conceptual study aims to examine the juristic views (*fuqaha'*) regarding appropriate rental rates and rental durations for *waqf* properties. Adopting qualitative research design, the study employs library-based methods supported by inductive, deductive and comparative analyses. The findings reveal that the *fuqaha'* generally agrees with the imposition of rental rates that align with prevailing market conditions. However, several jurists permit flexibility in determining such rates under specific circumstances. With respect to rental duration, when no specific term has been stipulated by the *waqf* donor (*waqif*), the *fuqaha'* propose a standard rental period of one year while recognising certain concessions (*rukhsah*) that may apply based on contextual considerations.

KEYWORDS: ISLAMIC SOCIAL FINANCE, DEVELOPMENT OF WAQF ASSETS, INVESTMENT OF WAQF ASSETS, RENTAL OF WAQF ASSETS, DURATION OF WAQF LEASE AGREEMENTS.

* CORRESPONDING AUTHOR: Hydzulkifli Hashim., Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia. E-mail: hydzulkifli@uum.edu.my


ABSTRAK

Majlis Agama Islam Negeri atau dikenali sebagai 'MAIN' merupakan pemegang amanah tunggal dalam mentadbir harta wakaf yang terdapat di Malaysia. Melalui statistik yang dikeluarkan oleh JAWHAR terdapat banyak tanah wakaf yang telah diusahakan di Malaysia samada berbentuk ibadah seperti masjid, tanah perkuburan dan pusat tahfiz dan juga tanah wakaf yang berbentuk komersial seperti bangunan komersial, rumah sewa, tanah kebun dan lot parking. Akan tetapi hasil sewaan yang diperolehi oleh pemegang amanah wakaf untuk sewaan harta wakaf dilihat tidak memadai dengan hasil yang perlu dibayar untuk urusan pentadbiran seperti cukai pintu, cukai tanah dan sebagainya. Terdapat juga penghuni yang tinggal diatas tanah wakaf secara percuma kerana tidak mahu membayar hasil sewaan kepada pemegang amanah wakaf dengan beranggapan bahawa tanah itu merupakan tanah wakaf dan seharusnya tiada pembayaran sewaan dikenakan terhadap mereka. Kajian konseptual ini dilakukan untuk mengetahui pandangan fuqaha terhadap kadar sewaan semasa serta tempoh sewaan terhadap penyewa keatas harta wakaf mengikut pandangan fuqaha. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan untuk melihat pandangan fuqaha tentang isu tersebut. Penggunaan kaedah analisa data secara induktif, deduktif serta komparatif telah diutarakan dalam kajian ini. Secara umumnya fuqaha telah bersetuju menetapkan kadar sewaan semasa terhadap harta wakaf yang disewakan akan tetapi terdapat kelonggaran terhadap kadar sewaan semasa telah diutarakan oleh fuqaha. Begitu juga tentang tempoh had waktu untuk penyewaan harta wakaf sekiranya pewakaf tidak menghadkan satu tempoh yang tertentu. Fuqaha telah menyatakan garis panduan bahawa tempoh yang harus adalah selama setahun akan tetapi terdapat juga rukshah (kelonggaran) yang dibahaskan oleh fuqaha tentang hal berikut.

KATA KUNCI: KEWANGAN SOSIAL ISLAM, PEMBANGUNAN HARTA WAKAF, PELABURAN HARTA WAKAF, SEWAAN HARTA WAKAF, TEMPOH SEWAAN HARTA WAKAF.

1. PENGENALAN

Menurut statistik JAWHAR (2025), sehingga 2023 keseluruhan tanah wakaf yang berjaya direkodkan di Malaysia seluas 20,993 hektar. Gambar rajah 1 menunjukkan sebanyak 12% iaitu hampir 2415 hektar belum dimanfaatkan manakala sejumlah 88% iaitu 18578 hektar telah dimanfaatkan. Tanah yang telah dimanfaatkan di sini menurut JAWHAR adalah tanah wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas yang telah diambil manfaat daripadanya, termasuk yang telah dibangunkan dengan projek pembinaan seperti masjid, surau, sekolah dan lain-lain. Terdapat juga tanah wakaf yang telah digunakan sebagai tanah perkuburan dan yang telah digunakan untuk lain-lain tujuan seperti pertanian, sewaan dan sebagainya. Justeru terdapat pandangan yang mengatakan bahawa aset wakaf seharusnya diberikan secara percuma untuk digunakan tanpa mengenakan sebarang jenis sewaan. Tidak kurang juga mengatakan bahawa ianya harus diberikan sewaan dengan kadar yang lebih murah dari harga semasa memandangkan ianya berupa tanah yang diwakafkan oleh pewakaf. Justeru satu kajian dilakukan dengan melihat pandangan fuqaha dalam menyatakan kadar sewaan yang sewajarnya dikenakan terhadap harta wakaf.



GAMBAR RAJAH 1: STATISTIK TANAH WAKAF SELURUH MALAYSIA

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2023

Menurut Muhammad Abu Zahrah (terj. 2007), tugas utama pemegang amanah wakaf (*nazir*) ialah menjaga, membangunkan dan juga memperbaiki kerosakan (sekiranya terdapat pada harta wakaf tersebut) serta memanfaatkannya dengan pelbagai cara yang dibenarkan oleh syarak serta membuat agihan manfaat yang diperolehi dari hasrat wakaf tersebut kepada masyarakat. Pembangunan dalam aspek Islam adalah sesuatu yang bersifat menyeluruh. Ianya merujuk kepada satu proses untuk menyusun (bersifat proaktif) terhadap sesebuah masyarakat atau negara ke arah meningkatkan kualiti hidup manusia. Matlamat asas ibadah wakaf adalah untuk menjadikan aset wakaf tersebut bermanfaat (produktif) *tasbilu al-thamarat* dan hal ini menunjuk kepada aktiviti pelaburan (*istithmar*) dan pembangunan yang mampan terhadap aset wakaf untuk mendapatkan pulangan (*manfaat*). Hasil pulangan tersebut pula akan digunakan sebagai agihan kepada penerima manfaat (*mauquf 'alayh*). Menurut Muhammad al-Tijani (2020), terdapat pelbagai kegunaan konsep pelaburan, antaranya:

1. Membuat pelaburan dengan menggunakan wang untuk sebarang projek.
2. Menggunakan wang untuk satu jangka masa yang panjang.
3. Melabur wang dalam mana mana sekuriti (selain dari kewangan berasaskan riba).
4. Menggunakan wang untuk menubuhkan satu projek yang baharu, atau membangunkan projek yang sedia ada, atau menggantikan dan menaiktarafkan aset yang telah usang.

2. SOROTAN KAJIAN

Menurut Muhammad Uthman Sabir (t.t), pelaburan bermaksud penambahan hasil dan manfaat harta atau berlakunya pembangunan terhadap harta asal dengan tujuan memberikan hasil dan manfaat harta. Dalam aspek fiqh pula ianya membawa maksud satu usaha membangunkan harta yang dimiliki secara syarak dengan menggunakan instrumen-instrumen muamalat Islam seperti konsep *Mudharabah*, *Murabahah*, *Syirkah* dan sebagainya (Mustafa Sanu Qutub, 2000). Menurut Syauqi Abduh Sahi (1985), konsep pelaburan adalah penggunaan harta untuk penghasilan keuntungan sama ada suatu pembentukan modal tambahan yang baharu dengan menggunakan instrumen pelaburan yang dibenarkan oleh syarak sehingga mampu memberi kesan yang positif terhadap masyarakat.

Kaedah pelaburan merangkumi beberapa unsur pengolahan harta asal sama ada penggunaan aset atau penggunaan dana sebagai modal untuk mencipta keuntungan serta mendapat pulangan di kemudian hari. Terdapat juga unsur penambahan dan pembangunan yang berpunca daripada harta asal untuk penghasilan harta yang baharu. Akan tetapi pelaburan yang dibuat hendaklah menepati prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh syarak serta mengetepikan unsur-unsur yang dilarang oleh syarak seperti

riba, *gharar* dan *maisyir*. Sebagai contoh, sebuah tanah wakaf yang kurang produktif dibangun dengan sebuah pusat perniagaan komersial untuk tujuan penyewaan kepada penyewa. Tanah wakaf tersebut secara tidak langsung akan mendapat peningkatan nilai dari asalnya sebuah tanah kepada bangunan komersial yang terbina di atasnya. Akan Tetapi bangunan tersebut hendaklah dikawal penggunaannya agar tidak dijadikan tempat yang tidak patuh syariah seperti kelab malam atau tempat perjudian.

Terdapat dalil-dalil yang mengharuskan pelaburan harta dalam Islam. Justeru, Islam menegah sebarang kegiatan penyembunyian harta. Konsep pelaburan dalam Islam bertujuan untuk menjaga serta mengawal agar harta tersebut itu berkembang dan yang lebih penting ianya memberi manfaat kepada umum. Antara dalil-dalil daripada al-Quran yang menyeru kepada pelaburan adalah:

‘Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya sebahagian besar dari orang-orang alim Yahudi dan rahib-rahib Nasrani benar-benar-benar memakan harta orang dengan jalan yang batil dan mereka menghalang (manusia) dari jalan ALLAH. Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak menafkahnnya pada jalan ALLAH, maka beritahukanlah kepada mereka (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih. Pada hari dipanaskan emas dan perak itu dalam nereka jahanam, lalu dibakar dengannya di dahi mereka, lambung dan punggung mereka (lalu dikatakan) kepada mereka ‘ Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakan sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan’

Surah At-Taubah 10: 34 & 35

Terjemahan ayat berikut jelas menerangkan bahawa Allah telah menegaskan tentang perihal pembekuan harta serta pembalasan yang amat perit terhadap mereka yang melakukan transaksi tersebut. Justeru, timbul satu persoalan adakah harta yang tidak produktif tergolong dalam perihal pembekuan harta?. Menurut Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari (1949), pembekuan harta ini tidak terhad kepada emas dan perak sahaja bahkan ianya meliputi kesemua ketegori harta dan tidak terkecuali terhadap harta wakaf. Justeru, tanah wakaf juga tergolong dalam ketegori harta, sekiranya tanah wakaf ini terbiar tanpa apa-apa manfaat adakah ianya termasuk dalam ketagori pembaziran juga?. Oleh yang demikian dapat kita simpulkan usaha pelaburan terhadap harta wakaf hendaklah dilaksanakan dengan kadar segera agar ianya tidak termasuk dalam ketegori pembekuan harta seperti yang diterangkan diatas.

Firman Allah Taala dalam surah al-Hud yang bermaksud:

Dan kepada (kaum) Tsamud (Kami utuskan) saudara mereka Soleh. Soleh telah berkata kepada : ‘ Wahai kaumku, sembahlah ALLAH, sekali-kali tidak ada bagimu TUHAN selain DIA. DIA (ALLAH) telah menciptakan kamu dari tanah (bumi) dan menjadikan kamu sebagai pemakmurnya.....

Surah Hud 11: 61

Ayat di atas menyatakan perihal memakmurkan bumi Allah dan dalam masa yang sama manusia dijadikan sebagai khalifah Allah di muka bumi serta mempunyai tanggung jawab untuk memakmurkan bumi ini. Wahbah Zuhayli (1991), telah mentafsirkan kalimah ‘*wasta marakum fiha*’ sebagai Allah menjadikan manusia sebagai khalifah untuk memanfaatkan bumi (harta) dengan pertanian, perkilangan, pembangunan dan juga perlombongan. Menurut beliau, tanah tersebut (harta) hendaklah diusahakan dan dibangun. Turut memberi tafsir adalah Alusi al-Baghdadi (1985), bahawa usaha memakmurkan bumi dan mengerjakan sebarang kegiatan berbentuk ekonomi merupakan satu pelaburan, ianya meliputi sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan lain-lain.

Selain dalil dari al-Quran, terdapat juga dalil dari hadis nabi yang turut menjelaskan tentang perihal kepentingan pelaburan harta di dalam Islam. Terdapat Hadith yang telah diriwayatkan oleh al-Tirmizi (t.t) seperti berikut:

'Barang sesiapa yang menjadi wali (penjaga harta) kepada anak yatim, dan pada anak yatim tersebut mempunyai harta, maka hendaklah dia meniadakan (melaburkan) dengannya, dan tidak meninggalkannya sampai termakan oleh sedekah.

Hadis riwayat al-Tirmizi (641)

Satu ketetapan yang telah disarankan oleh hadis di atas terhadap melaksanakan perniagaan atau pelaburan terdapat harta anak yatim yang telah diamanahkan kepada wali (penjaga) harta tersebut agar ianya tidak menjadi terbiar sehingga terhabis disebabkan kewajipan untuk pembayaran zakat. Justeru Ibn Taymiyyah (t.t) dalam *Majmu' Fatawa Ibn Taymiyyah* menerangkan bersandarkan kepada hadis diatas bahawa membiarkan harta tanpa diusahakan (tidak produktif) tanpa alasan yang dibenarkan akan mendatangkan satu kerugian kepada pemiliknya dan juga kesan pembangunan ekonomi secara amnya.

Para fuqaha telah bersepakat menyatakan bahawa pembangunan terhadap harta wakaf adalah wajib samada pewakaf mensyaratkan atau tidak mensyaratkan. Pembangunan ini bertujuan untuk mendapat pahala berterusan dan perkara ini tidak akan terjadi kecuali dengan berlangsungnya *i'marah*. al-Mawsuah (t.t) menerangkan maksud *i'marah* adalah apa yang dibina atau dibangunkan dengannya tempat. Dari segi istilah pula bermaksud membangunkan dengan apa yang berupa bangunan, seperti menghidupkan atau membangunkan semula tanah (yang tidak produktif), mengubahsuai bangunan (yang sedia ada), dan lain-lain yang membaikinya mengikut adat. Menurut al-Zayla'i al-Hanafi (t.t) syarat untuk melaksanakan pembangunan adalah terbukti (*thabit*). Fuqaha al-Hanafiyah telah mewajibkan pembangunan terhadap harta wakaf dilaksanakan oleh pemegang amanah harta wakaf. Mereka bersandarkan kepada hadis *الْخَرَجُ بِالضَّمَانِ* yang bermaksud hasil adalah dengan jaminan. Menurut Muhammad Ibn Abdullah (1990) apa yang dimaksudkan disini adalah hasil wakaf adalah untuk pihak yang diwakafkan, justeru pembangunan juga adalah dibawah tanggungjawab mereka juga (pemegang amanah harta wakaf). Fuqaha al-Malikiyyah pula berhujah dalam Syarah Mukhtasar Khalil seperti berikut, sesiapa yang yang mewakafkan rumah atau seumpamanya kepada seseorang untuk didiami kemudian rumah tersebut mengalami kerosakan dan memerlukan kepada pembaikan, maka pihak pemegang amanah hendaklah memberi pilihan kepada penyewa rumah tersebut untuk membuat pembaikan (terhadap rumah yang telah rosak) atau mengeluarkan penyewa dari rumah tersebut untuk diperbaiki. Ini dilakukan agar dapat dibuat pembaikan oleh pemegang amanah wakaf daripada berlakunya kemusnahan terhadap harta tersebut (Muhammad Ibn Abdullah, 2010). Menurut Wizarah al-Awqaf (2005) pula, menjadi kewajipan keatas nazir untuk membaiki harta wakaf yang rosak samada dari sumber yang disyaratkan oleh pewakaf atau sebaliknya.

Pembangunan terhadap harta wakaf telah diperjelaskan oleh 'Akramah Saed Sobri (2008), menurut beliau tuntutan yang pertama sekali perlu dibuat oleh pemegang amanah wakaf (nazir) adalah membangun serta memelihara, sekiranya harta wakaf ini diabaikan dan tidak dibaikki ianya akan menyebabkan kerosakan dan kemusnahan dan yang lebih ketara kehilangan manfaatnya. Oleh itu, para fuqaha telah bersepakat tentang perihal kepentingan pembangunan wakaf dan menganggapnya sebagai perkara yang amat penting samada pewakaf mensyaratkan demikian atau tidak.

Pada hakikatnya amalan wakaf merupakan satu pelaburan, ini dapat dilihat apabila pewakaf mewakafkan harta beliau dijalan Allah bermakna beliau ingin mendekati diri kepada Allah. Pewakaf juga mengharapkan agar mendapat keredhaan dan juga balasan pahala daripada Allah. Oleh yang demikian, konsep menahan harta asal (modal) merupakan salah satu konsep kaedah pelaburan. Justeru, dapat dilihat harta asal merupakan aset yang harus dipelihara agar berkekalan dan berkembang serta mendatangkan hasil manfaat untuk diagihkan kepada masyarakat. Perkara ini tidak mungkin berlaku sekiranya harta asal tersebut tidak produktif. Oleh yang demikian boleh kita huraikan bahawa amalan berwakaf dan penjagaan harta asal (modal) merupakan satu kegiatan pelaburan di mana seseorang pewakaf akan mendapat pahala amal jariah di hari akhirat dari Allah.

Konsep untuk melaburkan harta wakaf ini perlu dilaksanakan agar matlamat pewakaf akan terhasil. Sekiranya harta wakaf tersebut tidak dilaburkan maka ianya akan terbiar serta menjadi tidak produktif, dan secara tidak langsung ianya akan mendatangkan satu kerugian dalam melestarikan hasrat pewakaf. Kaedah penyewaan terhadap harta wakaf juga turut dikategorikan sebagai salah satu pelaburan terhadap harta wakaf dan hasil sewaan tersebut dapat memberi manfaat kepada masyarakat Islam khususnya. Tanpa penetapan kadar sewaan semasa untuk harta wakaf tersebut ianya akan membantutkan pendapatan dari harta wakaf dan secara tidak langsung penerimaan manfaat wakaf akan tercicir.

3. METHODOLOGI KAJIAN

Menurut Denscombe (2003) dan Merriam (1988), kebiasaannya dalam mana-mana penyelidikan sains sosial, dua kaedah utama digunakan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Secara rasionalnya Siti Hawa and Santhiram Raman (2000) menegaskan bahawa penyelidikan kualitatif menitikberatkan kepada proses dan tiada hipotesis yang akan dibentuk atau diuji. Justeru, kajian ini mampu membentuk suasana yang lebih kondusif dimana kajian boleh dilaksanakan dengan lebih semula jadi. Kajian kualitatif ini lebih cenderung menggunakan kaedah kepustakaan. Menurut Maykut and Morehouse (1994), berbagai cara pengumpulan data dilakukan untuk meraih standard pemahaman informan yang bagus serta menambahkan kredibiliti hasil penyelidikan. Dapat dilihat dalam kajian ini, ianya lebih memfokuskan kepada pandangan fuqaha mazhab yang berhubungkait dengan kadar sewaan semasa terhadap harta wakaf serta tempoh yang sepatutnya dikenakan terhadap penyewa yang menyewa harta wakaf. Selain itu juga, kajian ini turut mengumpulkan bahan-bahan bercetak dan dokumentasi. Dalam kajian ini, beberapa jenis maklumat daripada perspektif yang berbeza mengenai kadar sewaan semasa terhadap harta wakaf dikumpulkan serta dihubungkan agar lebih menjerumus kepada kajian tentang penentuan kadar sewaan semasa terhadap tanah wakaf. Penggunaan kaedah induktif, deduktif serta komparatif data untuk tujuan analisis telah digunakan untuk menjelaskan serta membuat huraian terhadap kajian. Secara tidak langsung nilai sewaan untuk tanah wakaf tersebut dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

4. DAPATAN KAJIAN

Dalam menentukan kadar semasa bayaran sewaan terhadap aset wakaf, Ibn nujaym dan Imam al-Nawawi telah menyarankan bahawa kadar sewaan terhadap aset wakaf tidak boleh kurang daripada kadar sewaan semasa, atau kadar sewaan melebihi sedikit daripada kadar sewaan semasa (Zainudin Abu Ishaq, 970H; Abu Barakat Ahmad, 1974; Abu Zakariya Yahya, 1277; Mansur, 1901). Terdapat juga pandangan yang memberikan kelonggaran dalam membahaskan kadar sewaan semasa aset wakaf. Menurut Iman al-Nawawi, kadar sewaan aset wakaf boleh dikurangkan daripada harga sewaan semasa sekiranya pengurangan tersebut diberikan bertujuan untuk menolong golongan usahawan Muslim yang ingin memulakan perniagaan mereka (Abu Zakariya Yahya, 1277).

Ibn Nujaym dan Ibn Abidin pula mempunyai pandangan yang sama tentang kadar sewaan aset wakaf. Mereka berpandangan, kadar pengurangan sewaan aset wakaf boleh dilakukan sekiranya dalam keadaan darurat (Muhammad Amin al-Syamir, 1966). Menurut Ibn Nujaym, terdapat dua situasi darurat yang boleh dibuat pengurangan kadar sewaan aset wakaf. Situasi pertama, apabila aset tersebut akan mendatangkan kerugian sekiranya diberikan sewa dengan harga semasa. Dengan berlakunya kerugian, ianya akan menyebabkan berlakunya pertambahan hutang. Situasi yang kedua, apabila sesebuah aset wakaf tersebut kurang mendapat sambutan kecuali dengan cara merendahkan kadar sewaan daripada kadar sewaan semasa (Zainudin Abu Ishaq, 970 H).

Selain isu kadar sewaan semasa harta wakaf timbul pula persoalan kedua tentang had tempoh penyewaan terhadap aset wakaf. Adakah aset wakaf boleh disewakan dengan tempoh yang terhad atau pemegang amanah tidak boleh menghadkan tempoh waktu sewaan terhadap aset wakaf. Fuqaha telah bersepakat bahawa diharuskan aset wakaf tersebut dibuat suatu tempoh had masa sewaan yang tertentu (Zainudin Abu Ishaq, 970H; Abu Barakat Ahmad, 1974; Mansur, 1901). Sememangnya tidak

dapat dinafikan apabila pewakaf telah mewakafkan aset beliau kepada nazir, maka akan terputuslah hak pemilikan beliau terhadap harta beliau bertukar menjadi harta wakaf. Akan tetapi, sekiranya pewakaf telah menetapkan syarat khusus terlebih dahulu kepada nazir tentang tempoh penggunaan atau tempoh penyewaan aset wakaf kepada suatu tempoh yang telah dihadkan, pada ketika ini nazir haruslah meraikan syarat pewakaf selagi aset wakaf tersebut tidak berada dalam keadaan darurat. Contohnya, pewakaf telah mengenakan had tempoh bagi individu untuk menyewa aset wakaf selama 2 tahun sahaja. Justeru, sebagai nazir hendaklah meraikan amanah yang telah dikenakan oleh pewakaf.

Sekiranya aset wakaf tersebut berada dalam keadaan darurat, di sini nazir hendaklah memainkan peranan yang sewajarnya dengan memuktamadkan satu keputusan. Keputusan untuk melanjutkan atau mengurangkan tempoh penyewaan aset wakaf akan dibuat oleh nazir sendiri (Abu Barakat Ahmad, 1974; Al-Buhuti, Mansur, 1901; Abu Zakariya Yahya, 1277). Sekiranya pewakaf tidak meletakkan syarat tempoh sewaan aset yang diwakafkannya, di sini terdapat perselisihan pandangan fuqaha. Imam Syarbini menerangkan bahawa tidak sah sewaan terhadap sesebuah aset wakaf melebihi setahun sama ada berupa tanah atau bangunan atau peralatan. Pada pandangan beliau penyewaan aset wakaf yang melebihi setahun dikhuatiri dapat menyebabkan aset tersebut hilang (Syams al-Din Muhamad, t.t.).

Menurut Ibrahim Musa Abi Bakr al-Tarabilusi al-Hanafi (2006), sekiranya nazir melihat terdapat kemaslahatan harta tersebut serta mendapat persetujuan pemerintah, waktu sewaan boleh dilanjutkan melebihi setahun dengan syarat kontrak sewaan tersebut perlulah diperbaharui pada setiap tahun setelah tamat had waktu sewaan. Beliau juga menyatakan bahawa kesemua transaksi tersebut hendaklah dicatat di atas *sakk* dan tempoh sewaan tersebut boleh menjangkau sehingga 20 tahun. Ini bermaksud tempoh sewaan sesebuah aset wakaf boleh dibuat sehingga 20 tahun dengan menggunakan 20 kontrak perjanjian sewaan (*sakk*). Al-Buhuti and Mansur (1901) pula berpandangan, sekiranya pewakaf tidak mengenakan apa-apa syarat kepada nazir tentang tempoh sewaan yang sepatutnya, kesemua urusan tempoh sewaan tersebut diserahkan kepada nazir dan penyewa untuk melihat serta menilai suatu tempoh yang dianggap sesuai untuk proses penyewaan aset wakaf.

5. PERBINCANGAN

Dalam menentukan kadar sewaan terhadap harta wakaf samada berupa tanah wakaf atau bangunan wakaf, jumhur fuqaha telah bersetuju bahawa pengenaan kadar semasa untuk harta wakaf tersebut adalah perlu. Terdapat kelonggaran dalam kadar sewaan semasa ini, yang mana fuqaha al-Hanafiyah melihat ianya perlu dibuat sekiranya harta tersebut berada dalam 2 keadaan darurat. Mereka berpandangan bahawa darurat pertama sekiranya harta wakaf tersebut akan mendatangkan kerugian dengan perlaksanaan sewaan semasa seperti ketiadaan penyewa untuk menggunakan harta wakaf tersebut secara tidak langsung ianya akan menjadi aset yang tidak produktif. Kebarangkalian aset wakaf tersebut akan dieksploitasikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menggunakannya secara percuma. Situasi darurat kedua pula, harta wakaf tersebut kurang mendapat sambutan sekiranya pemegang amanah wakaf mengenakan harga sewaan semasa. Sekiranya ini berlaku harta wakaf tersebut akan menjadi rosak dan yang lebih parah ianya akan mencalarakan reputasi pemegang amanah terhadap harta wakaf tersebut. Menurut fuqaha al-Syafieyah pula, pengurangan harga sewaan dari harga semasa boleh diberikan kepada usahawan yang baru menceburi dalam bidang perniagaan. Disini jelas kita dapat lihat walaupun jumhur fuqaha bersetuju tentang kadar sewaan harta wakaf hendaklah mengikut harga semasa akan tetapi terdapat *rukshah* (kelonggaran) dalam urusan sewaan terhadap harta wakaf tersebut. Dua aspek yang utama dapat dirungkaikan disini adalah ketika mana darurat yang mungkin akan menjadikan harta wakaf tersebut hilang nilainya dan juga akan menyebabkan harta tersebut akan binasa. Aspek kedua pula diberikan terhadap usahawan yang baru menyewa harta wakaf tersebut atau baru memulakan perniagaan untuk keberlangsungan ekonomi.

Kadar tempoh sewaan terhadap harta wakaf juga telah diperbincangkan oleh fuqaha. Jumhur bersetuju untuk mengadakan had tempoh sewaan terhadap harta wakaf tersebut sekiranya tidak dinyatakan oleh pewakaf tentang tempoh sewaan. Sekiranya terdapat tempoh yang telah digariskan oleh pewakaf tentang perihal sewaan, sebagai contoh 2 tahun diperuntukan untuk sewaan harta wakaf tersebut. Maka, pemegang amanah wakaf hendaklah menghormati keputusan pewakaf untuk direalisasikan. Persoalan timbul apabila tiada syarat tempoh sewaan yang dibuat oleh pewakaf asal yang membawa kepada perbincangan dalam hal tersebut. Menurut fuqaha al-Syafieyah, tempoh sewaan terhadap aset wakaf tersebut tidak boleh melebihi setahun. Setelah setahun pemegang amanah wakaf hendaklah membuat pemeriksaan terhadap aset wakaf yang disewakan dan kebarangkalian akan berlaku kenaikan sewaan berdasarkan nilai sewaan semasa sekiranya perlu. Fuqaha al-Hanafiyyah pula agak linear dalam hal ini, mereka berpandangan bahawa tempoh sewaan boleh dilakukan sehingga menjangkau sehingga 20 tahun akan tetapi pembaharuan kontrak sewaan hendaklah dilaksanakan pada setiap tahun. Menurut fuqaha al-Hanabilah, kadar tempoh sewaan terhadap harta wakaf wajar diberikan autoriti penuh kepada dua pihak yang berakad iaitu penyewa dan juga pemegang amanah wakaf. Mereka berpandangan bahawa, kedua-dua yang bertransaksi ini lebih memahami situasi dan juga kaedah untuk kadar tempoh sewaan yang sesuai.

Pengkaji bersetuju dengan pandangan al-Buhuti kerana ianya sesuai untuk diaplikasikan dalam sistem wakaf yang moden sekarang ini kerana hanya penyewa sahaja yang mengetahui had waktu sesuai untuk mereka membuat penyewaan terhadap aset wakaf. Sekiranya berlaku kerosakan terhadap aset wakaf disebabkan oleh kecuaiannya dari belah pihak penyewa, penyewa bertanggungjawab membayar kesemua kos pembaikan setelah dinilai oleh pemegang amanah wakaf. Pada kebiasaan, akad sewaan terhadap aset wakaf tersebut akan terbatal dengan sendirinya apabila berakhir tempoh sewaan terhadap aset wakaf. Setelah tamatnya kontrak sewaan, nazir mestilah menilai sama ada untuk menyambung kembali kontrak tersebut dengan mengekalkan kontrak harga sewaan yang asal ataupun membuat kontrak harga sewaan yang baharu.

Dalam senario ekonomi sekarang beberapa kaedah penyewaan harta wakaf untuk tempoh yang panjang boleh diadaptasikan seperti mana yang telah diamalkan pada zaman *al-Uthmani al-Atrak* seperti penggunaan kaedah *al-hukri*, *al-khuluw* dan juga kaedah *al-Ijaratayn*. Pertama, penggunaan kaedah *akad al-hukri* merupakan suatu akad sewaan untuk mengekalkan status tanah wakaf yang diberi sewa kepada penyewa bagi tempoh waktu yang panjang. Pembayaran sewaan pertama secara penuh akan dibuat oleh pengusaha kepada pemegang amanah wakaf. Jumlah pembayaran sewaan ini hampir menyamai nilai tanah yang sebenar. Pembayaran bakinya pula akan dibuat secara tahunan dalam kadar yang sedikit bagi melengkapkan nilai harga tanah wakaf tersebut. Pembayaran pada peringkat yang kedua ini juga dikenali sebagai *al-mablagh al-ramzi*. Pengusaha akan diberikan hak untuk memanfaatkan kegunaan tanah wakaf tersebut samada beliau ingin membuat binaan ataupun melakukan aktiviti pertanian di atas tanah wakaf. Dengan adanya projek yang dijalankan di atas tanah wakaf, akan membolehkan institusi wakaf mendapat imbuhan sewaan daripada pengusaha. Pembayaran wang kepada pemegang amanah wakaf dibuat setelah mendapat persetujuan kadar sewaan bersama di antara dua pihak yang bertransaksi. Tempoh waktu untuk sewaan sesebuah tanah wakaf secara *al-hukri* boleh menjangkau sehingga tempoh maksimum 99 tahun. Pembatalan akad *al-Hukri* ini boleh berlaku sekiranya terdapat kemusnahan pada tanah wakaf ataupun berlaku kemusnahan terhadap bangunan yang dibina di atas tanah wakaf tersebut.

Kaedah kedua pula, penggunaan kaedah *al-Khuluw* terhadap harta wakaf yang bertujuan untuk membaiki kedai (aset wakaf) dengan menggunakan modal penyewa. Pemegang amanah wakaf tidak akan mengeluarkan wang modal mereka sendiri untuk membaiki aset wakaf yang rosak seperti bangunan komersial. Kaedah ini merupakan suatu kaedah pembiayaan umum yang dilakukan sendiri oleh penyewa bangunan wakaf. Penyewa akan menggunakan wang mereka terlebih dahulu untuk tujuan pembaikan bangunan wakaf, oleh yang demikian penyewa mempunyai hak penggunaan manfaat terhadap bangunan yang telah dibaikinya. Penyewa juga boleh mewakafkan bangunan wakaf yang dibaikinya ataupun mendiaminya sendiri. Penyewa juga berhak menyewakan kembali bangunan wakaf yang dibaikinya kepada penyewa lain (pihak ketiga). Pembayaran kadar sewaan terhadap kedai

wakaf tersebut boleh dilakukan dengan mengikut nilai sewaan semasa atau kurang sedikit daripada nilai semasa (selagi mana tidak terdapat penyewa yang lain yang ingin menyewa kedai tersebut).

Manakala kaedah ketiga pula merupakan kaedah *al-Ijaratayni* yang telah diperkenalkan kepada penyewa yang ingin membaik pulih bangunan-bangunan wakaf rosak disebabkan oleh berlakunya kebakaran pada zaman tersebut di Sepanyol. Ianya dinamakan *al-Ijaratayni* kerana transaksi tersebut merangkumi dua bahagian pembayaran sewa. Pembayaran sewaan yang pertama dibuat secara pembayaran penuh yang digunakan untuk memulakan projek pembangunan dengan nilai kurang daripada harga tanah. Pembayaran sewaan yang kedua pula dilakukan secara berperingkat untuk setiap tahun bagi tempoh masa sewaan tanah itu berlangsung. Pembayaran pendahuluan ini dikenali sebagai *key money* atau *furnishings and fixtures money*.

Ketiga-tiga kaedah diatas lebih mirip kepada kaedah pajakan tanah wakaf kepada pengusaha dan kaedah ini telah dilaksanakan terhadap pembangunan tanah wakaf yang melibatkan pembiayaan daripada pihak swasta terhadap dengan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) yang melibatkan tanah wakaf Majoodsaw di negeri Pulau Pinang. Tanah wakaf Majoodsaw (seksyen 16) terletak di jalan Macalister, Georgetown mempunyai keluasan 21,290 kaki persegi adalah milik pewakaf daripada keluarga Majoodsaw (Fatteh Mahomed, Chandra Meah & Mahomed Ibrahim Khan). Keadaan asal tanah wakaf keluarga Majoodsaw (sebelum dibangunkan) berupa sebuah rumah UMNO negeri Pulau Pinang dan terdapat beberapa buah kubur dipersekitarannya. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah melihat pembinaan kompleks pejabat merupakan bangunan yang paling sesuai dibina di atas tanah tersebut, memandangkan tanah tersebut terletak di Geogretown (ibu negeri Pulau Pinang). Pihak MAINPP sebagai tuan tanah telah meminta kerjasama daripada pihak syarikat swasta untuk tujuan pembinaan kompleks pejabat 21 tingkat di atas tanah wakaf Majoodsaw. Pembangunan ini telah melibatkan kerjasama dari syarikat swasta iaitu Amanah Capital Partners Berhad. Syarikat Amanah Capital Berhad akan mengeluarkan kos projek pembangunan sebanyak RM 33 juta untuk membiayai keseluruhan pembinaan tersebut. Pembangunan ini dibuat menggunakan konsep *build, operate & transfer* (B.O.T). Sebagai balasan kepada Amanah Capital Berhad (pemodal), bangunan yang telah siap dibina akan diberikan tempoh konsesi selama tempoh 99 tahun. MAINPP pula akan mendapat pulangan berupa 2 tingkat bangunan tersebut secara percuma yang menempatkan pejabat pentadbiran MAINPP. Keseluruhan bangunan yang siap dibina kelak akan menjadi milik MAINPP selepas tamat tempoh pajakan (99 tahun).

Perkara yang sama juga telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MAIWPKL) terhadap pembangunan tanah wakaf secara komersil telah dirancang oleh MAIWPKL terhadap tanah wakaf yang terletak di lot 168 & lot 169 di Jalan Perak, Kuala Lumpur memandangkan tanah tersebut sangat berpotensi memberikan pulangan yang tinggi kepada MAIWPKL. Tanah wakaf tersebut merupakan milik seorang saudagar kain dari India iaitu Allahyarham Dawjee Dadabhoy. Harta beliau telah diserahkan kepada MAIWPKL melalui '*vesting order*' yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 18 September 1991.

Keputusan ini dibuat setelah mahkamah melihat tiada terdapat pewaris bagi tujuan mewarisi tanah tersebut. Tanah wakaf di lot 168 & lot 169 merupakan sumber hasil yang terbesar yang diperolehi oleh MAIWPKL dengan hasil sewaan tahunan sebanyak RM 180,000.00 setahun (sebelum dibangunkan). Tanah wakaf tersebut bernilai RM 34 juta yang terletak berhampiran dengan menara berkembar Petronas telah dibangunkan untuk dijadikan sebuah bangunan komersil. Projek pembinaan bangunan menara setinggi 34 tingkat yang dikategorikan sebagai bangunan gred (A) telah mula dibina pada Oktober 2007 dan siap pada Feb 2011 dengan menggunakan kaedah *istisnā'*. Hasil usaha sama ini melibatkan Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) bersama MAIWPKL juga menggunakan kaedah B.O.T (*build-operate-transfer*). Pihak LUTH telah melantik anak syarikatnya TH Technologies Sdn. Bhd. sebagai kontraktor untuk tujuan pembangunan di atas tanah wakaf tersebut. Pihak MAIWPKL pula menerima pembayaran wang pajakan tanah wakaf yang berjumlah RM 56.6 juta daripada LUTH secara berperingkat untuk tempoh 25 tahun.

Setelah bangunan menara tersebut siap, TH Technologies Sdn. Bhd. akan menyerahkan bangunan menara kepada LUTH untuk urusan penyewaan. Memandangkan LUTH telah diberikan hak konsesi terhadap bangunan tersebut untuk tempoh 25 tahun, pihak LUTH berhak ke atas semua hasil sewaan yang dihasilkan oleh bangunan wakaf untuk tempoh konsesi tersebut. BIMP telah menjadi penyewa utama bangunan tersebut dengan menggunakan 30 tingkat daripada keseluruhan bangunan. Bangunan tersebut bakal diserahkan keseluruhannya kepada pihak MAIWPKL setelah tamat tempoh 25 tahun. Bermula tahun yang ke-26 MAIWPKL akan mengambil alih keseluruhan pentadbiran menara 34 tingkat. Segala pembayaran sewa setiap lot bangunan itu akan menjadi milik MAIWPKL. Melalui inovasi penggunaan kaedah sewaan yang lama ini (pajakan) akan membolehkan tanah wakaf yang dibuat pembinaan di atasnya memperolehi pendapatan yang aktif.

6. KESIMPULAN

Kaedah sewaan harta wakaf merupakan salah satu kaedah pelaburan yang mampu memberi pendapatan yang pasif kepada pemegang amanah wakaf khususnya di Malaysia. Pemegang amanah wakaf akan mendapat hasil sewaan secara bulanan dan berpotensi mendapat keuntungan modal jangka panjang apabila berlaku peningkatan terhadap aset wakaf tersebut. Justeru pemegang amanah wakaf perlulah aktif dalam mengenalpasti aset-aset wakaf yang mampu menjana ekonomi dan bersikap proaktif dalam memajukan nilai sesebuah harta wakaf. Kebanyakan harta wakaf yang dikawal selia oleh pemegang amanah wakaf berupa tanah atau bangunan yang diwakafkan. Sekiranya bangunan tersebut berada dalam keadaan yang daif adalah menjadi tanggungjawab pemegang amanah wakaf untuk membuat penambahbaikan agar bangunan tersebut dapat disewakan dengan nilai sewaan sesama. Pemegang amanah wakaf juga hendaklah merekodkan dengan jelas tanah-tanah wakaf yang berpotensi untuk dibuat sewaan seperti sawah, kebun dan ladang atau untuk tujuan membuat bangunan dengan menggunakan dana wakaf tunai. Kadar sewaan semasa aset wakaf hendaklah dikenakan terhadap harta wakaf yang disewakan kepada penyewa. Bukan setakat itu sahaja, pemegang amanah wakaf hendaklah memastikan penyewa membuat pembayaran sewaan seperti yang telah dimetrai mereka. Sekiranya berlaku keingkaran terhadap pembayaran sewaan tindakan yang tegas hendaklah diambil terhadap penyewa, ini kerana harta wakaf merupakan harta milik Allah dan hasil dari sewaan tersebut kelak boleh disalurkan untuk membantu ummah Islam dalam dan luar negara. Limitasi kajian ini agak terbatas kerana kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri tidak mempunyai data yang komprehensif terhadap lokasi tanah-tanah wakaf yang mereka selia. Justeru pemegang amanah wakaf hendaklah membuat penambahbaikan terhadap sistem pendaftaran tanah wakaf di negeri masing-masing. Dengan wujudnya satu sistem pendaftaran tanah wakaf yang komprehensif seperti pengenalan *system profiling*, ia dapat membantu Majlis Agama Islam Negeri menguruskan tanah-tanah wakaf ini dengan lebih terancang, sistematik dan baik.

ACKNOWLEDGEMENT

This manuscript is part of a study on Pengurusan Pembangunan Tanah Yang Terbiar Dengan Menggunakan Kaedah Pelaburan Patuh Syariah (Sukuk) by Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) (SO Code 21863). We would like to thank IPIZ, LZNK, Universiti Utara Malaysia, Research Management Centre of UUM and all parties that contributed to making this research project feasible.

RUJUKAN

- ‘Akaramah Saed Sabri. (2008). *Al-Waqf al-Islami Bayna al-Nazariyyati wal al-Tathbiq*, C.1, , Amman, Jordan: Darul al -Nafais.
- Abu Barakat Ahmad ibn Muhammad al-Dardir. (1974). *Syarh al-Saghir ‘ala Agrab al-Masalik ila Mazhab al-Imam Malik*. Jil.5. Qahirah, Misr : Maktabah Dar al-Ma‘arif, hlm. 133, 134, 135.
- Abu Zakariya Yahya ibn Syarfal-Nawawi. (1277). *Rawdah al-Talibin*. C.1. Jil. 5. Bayrut, Lubnan: Al-Maktabah al-Islami li Tiba‘ah wa al-Nasyr, hlm. 351-352.
- Al-Alusi al-Baghdadi. (1985). *Ruh Ma’ani fi tafsir al-Quran al-Azim al-Sab’u al-Matani*, Jil. 29, Qahirah, Mesir: Dar-Ihya al-Turath al-Arabi, .

- Al-Buhuti, Mansur ibn Idris ibn Yunus al-Buhuti. (1901). *Kasyaf al-Qina' 'Ala Matni al-Iqna'*. C. 1. Jil. 2. Qahirah, Misr: Al-Matbaah al-'Amarah al-Syarqiyah. hlm. 451.
- Denscombe, M. (2003). *The Good Research Guide, Maidenhead*, (2nd ed.). Maidenhead, Berkshire, England: Open University Press.
- H.M. Yusuf Sinaga. (2007 Terj.). Muhammad Abu Zahrah (t.t), Wakaf Menurut Agama & Undang-Undang, C.1, Puchong, Selangor: Berlian Publication Sdn. Bhd.
- Ibn Taymiyyah. (t.t). *Majmu' Fatawa Ibn Taymiyyah*, Jil. 31, Maghribi: Maktabah Ma'arif bi al-Rabat.
- Ibrahim Musa Abi Bakr al-Tarabilusi al-Hanafi. (2006). *Al-Is'af fi Ahkam al-Awqaf*. C. 1. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyah, hlm. 75.
- Jamaluddin Abi Muhammad 'Abdullah Ibn Yusuf Al-Zayla'i Al-Hanafi. (t.t). *Nasab al-Riwayat fi Takhrij ahadith al-Hidayah*, Jil. 4, Bayrut, Lubnan: Darul Ibn Hazim.
- JAWHAR. (2025). Statistik Tanah Wakaf Seluruh Malaysia Sehingga Julai 2023. Diakses daripada <https://www.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2023/12/Infografik-Statistik-Tanah-Wakaf1.pdf>. pada November 20, 2025.
- Mansur ibn Idris ibn Yunus al-Buhuti. (1901). *Kasyaf al-Qina' 'Ala Matni al-Iqna'*. C. 1. Jil. 2. Mesir: Al-Matbaah al-'Amarah al-Syarqiyah. hlm. 461.
- Al-Mawsuah al-Elektroniyyah Syamilah Limufradaat al-Mukhtawa al-Islami*. Makna al-Imarah Diakses daripada <https://islamic-content.com/dictionary/word/14546> pada November 20, 2025.
- Maykut, P. & Morehouse, R. (1994). *Beginning Qualitative Research: A Philosophic and Practical Guide*. London, England : The Falmer Press.
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*, San Francisco: Jossey-Bass, San Francis-co.
- Muhammad al-Tijani Ahmad al-Jaali. (2020). *Al-Ittijahat al-Ma'asiroh fi Tatwir al-Istishmaaru al-waqfi*, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Saudiyyah: Dar Isybilyaa lilnasyri wa Al-Tawzie' .
- Muhammad Amin al-Syamir ibn al-Abidin. (1966). *Hasyiyah Raddu al-Mukhtar 'ala al-Dar al-Mukhtar: Syarh Tanwir al-Absar fi Fiqh Mazhab al-Imam Abi Hanifah al-Nu'man*. C. 2. Jil. 4. Qahirah, Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi.
- Muhammad bin Isa Abu Isa al-Tirmizi. (t.t). *Al-Jamie' Al-Sahih al-Tirmizi*, Jil.3, Bayrut, Lubnan: Dar-Al-Ihya al-Turath,
- Muhammad Ibn Abdullah al-Babarti. (1990). *Al-Inayah Syarh Al-Hidayah*, Jil. 6., Bayrut, Lubnan: Dar Al-Fikr.
- Muhammad Ibn Abdullah al-Kharshi. (2010). *Sharh Mukhtasar Khalil al-Kharsi*, Jil. 6, Bayrut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari Al-Qurtubi. (1949). *Al-Jami' li Ahkam Al-Quraan*, Qahirah: Mesir: Dar-Al-Kutub.
- Muhammad Uthman Sabir. (t.t). *Abhas fiqhiyyah fi Qodoya al-zakat al-Mu'asirah*, Jil. 2, Amman, Jordan: Dar- Al-Nafais.
- Mustafa Sanu Qutub. (2000). *Al-Istithmar: Ahkamuh wa Dawabituh fi Al-Fiqh Al-Islami*, Amman, Jordan: Dar- Al-Nafais.
- Siti Hawa & Santhiram Raman. (2000). *Quantitative And Qualitative Research Methods: Some Strengths And Weaknesses.*, The Asia Pacific Journal of Educators and Education. The Asia Pacific Journal of Educators and Education (formerly known as Journal of Educators and Education), 17(1). hlm. 120-132.
- Syams al-Din Muhamad ibn al-Khatib al-Syarbini. (t.t). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Faz al-Minhaj*. Jil. 2. Lubnan: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, hlm. 375.
- Syauqi Abduh Sahi. (1985). *Al-Mal wa Turuq Istithmaruh fi Al-Islam*, Qahirah, Misr: Matba'ah Hasan.
- Wahbah Zuhaily. (1991). *'al-Tafsir Al-Munir fi Al-Aqidah wal Al-Syariah wa Al-Minhaj'*, Jil. 11-12, Dimasyqa, Suriyah: Dar- Al-Fikri.
- Wizarah al-Awqaf al-Kuwitiyyah. (2005). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, Jil.30, Kuwait.
- Zainudin Abu Ishaq ibn Ibrahim ibn Nujaym al-Syahir. (970 H). *Al-Bahru al-Ra'iq fi Syarh Kanzu al-Daqa'iq*, C. 2. Jil. 5. Lubnan, Beirut: Dar al-Fikr. hlm. 256.